

**Peserta ekspedisi bergambar kenangan di puncak Gunung Semeru sambil mengibarkan Jalur Gemilang, bendera Melaka dan UTeM.**



# UTeM tawan dua puncak

Oleh Zulfatria Abdullah  
bhvarsiti@mediaprima.com.my

► Pulau Jawa

Seramai 14 kakitangan Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) menawan puncak Gunung Semeru dan Gunung Bromo di Indonesia, baru-baru ini.

Ketua ekspedisi, Mohd Rusdi Isohod, berkata kejayaan menakluki kedua-dua



**CABARAN UTAMA PADA MISI ITU IALAH CUACA SEJUK DI SAMPING BENTUK MUKA BUMI EKSTREM YANG BERJAYA DITEMPUHI BERKAT KESUNGGUHAN DAN SEMANGAT BERPASUKAN"**

BH | 30.5.13 | 7(12)

**Mohd Rusdi Isohod,**  
Ketua ekspedisi

gunung itu adalah kesinambungan misi menawan Gunung Kerinci di Indonesia, tahun lalu.

Katanya, cabaran utama pada misi itu ialah cuaca sejuk di samping bentuk muka bumi ekstrem yang berjaya ditempuhi berkat kesungguhan dan semangat berpasukan.

## Gunung berapi aktif

"Gunung Semeru adalah gunung berapi yang masih aktif dengan ketinggian

3,676 meter dari aras laut dan merekodkan letusan terakhir pada Februari 1994 manakala Gunung Bromo yang terletak 2,329 meter dari aras laut turut tersenarai sebagai gunung berapi aktif.

"Walaupun menempuh pelbagai halangan mental dan fizikal, kumpulan kami membuktikan semangat berpasukan serta disiplin yang tinggi kunci utama dalam menentukan kejayaan misi ini," katanya.

Mohd Rusdi berkata, kejayaan mengibarkan Jalur Gemilang, bendera Melaka dan UTeM di puncak gunung itu menjadi pengalaman bermakna dan secara tidak langsung melakar sejarah tersendiri bagi universiti.

Kejayaan itu juga, katanya, memberi suntikan semangat bagi pasukannya meningkatkan aktiviti pengembalaan gunung untuk mewujudkan semangat berpasukan.